



## JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

### PENJELASAN ISU ‘UNBOXING’ PENGANTIN

Firman Allah SWT dalam surah al Nur ayat 31:

وَلَا يُبَدِّيْنَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِعُولَتِهِنَّ أَوْ ءَابَاءِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءَ  
بُعْلَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانَهُنَّ أَوْ بَنِيَّ إِخْوَانَهُنَّ أَوْ بَنِيَّ أَخْوَاتِهِنَّ أَوْ نِسَاءِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُنَّ  
أَوْ التَّابِعَيْنَ غَيْرِ أُولَئِكَ الْأَرْبَةَ مِنَ الرِّجَالِ أَوِ الْطِفْلِ الَّذِيْنَ لَمْ يَظْهَرُوا عَلَى عَوْرَاتِ النِّسَاءِ  
وَلَا يَضْرِبُنَّ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيَعْلَمَ مَا يُخْفِيْنَ وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهُمْ  
الْمُؤْمِنُوْنَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُوْنَ ﴿٣١﴾

Dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam, atau hamba-hamba mereka, atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan, atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan; dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka; dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya.

Ayat di atas menjelaskan kepada golongan wanita agar memelihara diri dan maruah mereka dari pandangan bukan mahram. Ini kerana maruah seorang wanita Islam merupakan sesuatu yang amat berharga dan mestilah dipelihara sepenuhnya tanpa dikotori dengan sebarang unsur-unsur yang boleh mencalarkan harga diri sekaligus mencemar imej Islam secara khususnya.

Mutakhir ini, kita disajikan dengan video-video yang tular di media sosial di mana ia memaparkan pengantin lelaki sedang menanggalkan aksesori perkahwinan yang dipakai oleh pengantin perempuan seperti mahkota pengantin, sanggul lintang dan gandik ataupun disebut sebagai ‘unboxing’ pengantin. Aksi ini telah menjadi bualan dan mendapat respon daripada pelbagai pihak.

Secara amnya, seorang isteri adalah hak mutlak bagi suaminya dan suaminya pula berhak melakukan apa sahaja yang dikehendakinya selagi mana tidak bertentangan dengan hukum syarak. Dalam isu ini, Islam sama sekali tidak melarang apa sahaja perbuatan yang dilakukan antara suami dan isteri. Menjadi kebiasaan kepada pengantin baru untuk merakam dan bergambar pada waktu-waktu dan detik-detik indah sebagai raja sehari. Biarlah detik-detik manis tersebut **disimpan sebagai rekod peribadi dan bukanlah dijadikan sebagai tatapan umum**. Marilah sama-sama kita hayati firman Allah SWT dalam surah al Baqarah ayat 187:

هُنَّ لِبَاسٌ لَكُمْ وَأَنْتُمْ لِبَاسٌ لَهُنَّ  
ف

*Isteri-isteri kamu itu adalah seumpama pakaian bagi kamu dan kamu pula sebagai pakaian bagi mereka.*

Ayat ini memerintahkan suami isteri melindungi keaiban antara satu sama lain. Rasulullah mengcam suami yang mendedahkan perlakuan sulit yang berlaku antara suami dan isteri. Apa yang berlaku di kamar tidur mereka, biar menjadi rahsia sesama mereka dan bukan dijadikan tatapan buat khalayak umum. Ini kerana Rasulullah mencela lelaki yang mendedahkan rahsia sulit pasangan mereka. Hadis daripada Abu Said Al Khudri R.A. bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

إِنَّ مِنْ أَشَرِ النَّاسِ عِنْدَ اللَّهِ مَنْزَلَةً يَوْمَ الْقِيَامَةِ الرَّجُلُ يُفْضِي إِلَى امْرَأَتِهِ وَتُفْضِي إِلَيْهِ ثُمَّ يَنْسُرُ سِرَّهَا

*Sesungguhnya di antara seburuk-buruk manusia di sisi Allah pada hari kiamat ialah seorang lelaki yang bersama dengan isterinya dan isterinya bersama dengannya (melakukan hubungan intim), kemudian dia mendedahkan rahsia isterinya.*

(Hadis Riwayat Muslim)

Oleh yang demikian, para suami sebagai ketua keluarga seharusnya perlu berhati-hati dengan sikap isteri mahupun anak-anak supaya tingkah laku, akhlak, budi pekerti mengikut syariat yang ditetapkan dalam al-Quran dan sunnah Rasulullah bagi meraih keluarga mawaddah dan rahmah.

**Jabatan Mufti Negeri Perak**

**14 Januari 2022 / 11 JamadilAkhir 1443**